

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan "Tap & Soar, with MyDebit" ("**Peraduan**") dianjurkan oleh QL Maxincome Sdn Bhd (No. Syarikat: 199601010973 (383322-D)) dirujuk sebagai ("**Penganjur**") dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("PayNet") (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) ("**PayNet**").

2. Peraduan ini terbuka kepada individu yang memenuhi kriteria berikut:

- a) Pemilik kad MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia;
- b) Pemastautin tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan yang sah sepanjang Tempoh Peraduan;
- c) Berumur 18 tahun dan ke atas serta mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia ("**Peserta**"); dan
- d) Akaun tersebut tidak dormant dan mesti aktif serta berada dalam keadaan kewangan yang baik sepanjang Tempoh Peraduan dan sehingga penebusan hadiah.

3. Individu berikut tidak layak menyertai Peraduan ini:

- Kakitangan Penganjur dan Rakan Kerjasama (termasuk syarikat bersekutu, subsidiari atau berkaitan) serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk pasangan); dan/atau
- Wakil, kakitangan dan/atau agensi pengiklanan atau promosi Penganjur dan Rakan Kerjasama (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitan), serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk pasangan).

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

1. Peraduan ini bermula dari 9 Julai 2025 jam 12:00 pagi hingga 30 September 2025 jam 11:59 malam (Waktu Malaysia) ("**Tempoh Peraduan**") dan dibahagikan kepada Cabutan Hadiah Bonus Bulanan dan Cabutan Hadiah Utama seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.

2. Pembelian minimum sebanyak RM25 dan ke atas (dengan resit bercetak yang jelas) di mana-mana cawangan FamilyMart dalam satu resit/transaksi menggunakan kad MyDebit (melalui transaksi tanpa sentuh atau PIN) sebagai kaedah pembayaran, dalam Tempoh Cabutan Hadiah Bonus Bulanan dan Tempoh Cabutan Hadiah Utama yang ditetapkan, akan layak untuk maksimum SATU (1) penyertaan bagi setiap resit ("**Bukti Pembelian**").

3. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap resit pembelian hanya boleh digunakan sekali. Semua penyertaan peserta akan dibatalkan sekiranya resit pembelian yang sama digunakan untuk lebih daripada SATU (1) penyertaan.

4. Penyertaan yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan untuk Cabutan Hadiah Bonus Bulanan dan Cabutan Hadiah Utama akan dianggap tidak sah dan akan dibatalkan. Contohnya, resit pembelian bertarikh 16 Julai (dalam tempoh Cabutan Hadiah Bonus Bulanan – Julai) mesti dihantar pada atau sebelum 31 Julai 2025. Resit tersebut tidak lagi sah untuk penghantaran pada bulan berikutnya. Sila rujuk Tempoh Peraduan di bawah untuk penghantaran anda:

- **Tempoh Cabutan Hadiah Bonus Bulanan ("Hadiah Bonus Bulanan")**
 - Julai: 09 Jul – 31 Jul 2025
 - Ogos: 01 Ogos – 31 Ogos 2025
 - September: 01 Sept – 30 Sept 2025
- **Tempoh Cabutan Hadiah Utama ("Hadiah Utama")**
 - Hadiah Utama: 09 Jul – 30 Sept 2025

5. Penganjur berhak untuk meminda dan/atau melanjutkan tempoh Peraduan serta menamatkan Peraduan.

6. Peserta yang telah terpilih sebagai pemenang ("**Pemenang**") dikehendaki mengemukakan Bukti Pembelian sebelum penebusan/pemenuhan hadiah boleh dilakukan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan pembatalan hadiah yang dimenangi oleh Peserta.

7. Bukti Pembelian mesti dikemukakan melalui kaedah yang dinyatakan di bawah (Cara Penyertaan).

Cara Penyertaan

8. Peserta boleh menghantar penyertaan mereka melalui penghantaran dalam talian/laman web ("**Mekanisme Peraduan**").

- **Cara Penyertaan: melalui penghantaran dalam talian/laman web**
- Hantar penyertaan anda melalui: <https://familymartmydebit.myideascontest.com/>
 - o Setiap penyertaan yang sah dan lengkap mesti mengandungi maklumat berikut:
 - i. Maklumat peribadi anda seperti nama penuh, tarikh lahir, alamat e-mel yang sah dan nombor telefon;
 - ii. Maklumat resit yang tepat dan jumlah pembelian minimum (rujuk contoh yang dilampirkan);


Pengesahan Resit Pembayaran

Semakan Pengesahan untuk Setiap Penyertaan;

Resit FamilyMart's

1. Jenis Kad/ Nama Aplikasi: **MyDebit**
2. Perbelanjaan: **RM 25 atau lebih dalam satu resit**
3. **Tarikh transaksi** mesti dalam tempoh kempen, **9 Julai – 30 September 2025**
4. **Nombor Transaksi**
5. Pengesahan ahli **MY FamilyMart's Member**

Sampel Resit FamilyMart



- iii. Imej resit pembelian yang jelas dan penuh sebagai Bukti Pembelian;
 - SIMPAN: BUKTI PEMBELIAN (asal).
- iv. Semasa penghantaran, peserta perlu bersetuju dengan maklumat berkaitan notis privasi dan pemasaran.
- v. Nota: Setiap Bukti Pembelian yang dihantar akan diberikan SATU (1) nombor siri rawak bagi setiap penyertaan (satu penyertaan bagi setiap resit pembelian tanpa mengira jumlah dibelanjakan). (Nota: nombor siri ini hanya untuk rujukan/paparan Penganjur dan tidak akan didedahkan kepada Peserta).

9. Peserta dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan yang sah (Kad Pengenalan Malaysia) semasa atau sebelum penebusan hadiah bagi tujuan pengesahan Pemenang. Bukti Pembelian yang pudar, rosak dan sebagainya akan dianggap tidak sah dan akan dibatalkan.

10. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut:

- **Pemilihan pemenang Cabutan Hadiah Bonus Bulanan:** Pada akhir setiap tempoh Cabutan Hadiah Bonus Bulanan, peserta yang layak akan disenarai pendek melalui sistem pemilihan komputer secara automatik berdasarkan bilangan penyertaan sah yang layak untuk tempoh tersebut.
- **Pemilihan pemenang Cabutan Hadiah Utama:** Pada akhir keseluruhan Tempoh Peraduan, peserta yang layak akan disenarai pendek melalui sistem pemilihan komputer secara automatik berdasarkan jumlah penyertaan sah yang diterima sepanjang tempoh peraduan.
- Pemenang hanya berpeluang memenangi SATU (1) Hadiah sepanjang Tempoh Peraduan.
- Selepas tamat setiap Tempoh Peraduan, sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan untuk tiga (3) hari berturut-turut (semasa waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat), Penganjur berhak membatalkan kelayakan Pemenang dan akan memilih peserta lain yang layak sebagai Pemenang mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

Hadiah Peraduan & Penebusan

Hadiah Peraduan: Hadiah Bonus Bulanan

Tempoh Bulanan	Hadiah Bulanan	Jumlah Pemenang
Julai: 09 Jul - 31 Jul 2025	Percutian Pulau Langkawi 4H3M untuk 2 orang bernilai RM4,600 • AirAsia - AK 6324 KUL/LGK 0925/1030 - AK 6303 LGK/KUL 1855/2005 • Pemindahan lapangan terbang 2 hala (ke / dari hotel) • Penginapan 3 malam termasuk sarapan (twin) • Island Hopping selama 4 jam secara berkumpulan • Termasuk wang perbelanjaan RM600	5
Ogos: 01 Ogos - 31 Ogos 2025	Percutian Borneo – Sabah 4H3M untuk 2 orang bernilai RM4,600 • AirAsia - AK 5140 KUL/BKI 1145/1425 - AK 5117 BKI/KUL 1835/2110 • Pemindahan lapangan terbang 2 hala (ke / dari hotel) • Penginapan 3 malam termasuk sarapan (twin) • Lawatan ke Kampung Budaya Mari-Mari • Termasuk wang perbelanjaan RM600	5
Sept: 01 Sept - 30 Sept 2025	Percutian Pulau Redang 4H3M untuk 2 orang bernilai RM4,600 (hanya untuk perjalanan luar musim puncak) 1. AirAsia - AK 6224 KUL/TGG 0715/0815 - AK 6229 TGG/KUL 1720/1825 • Pemindahan bot 2 hala Jeti TTI - Resort - Jeti TTI • Pemindahan darat 2 hala Lapangan Terbang KT - Jeti TTI • Penginapan 3 malam (Deluxe Garden) • Makan harian (sarapan + tengah hari + malam) • Trip snorkeling percuma (tidak termasuk	5

	peralatan) • Termasuk wang perbelanjaan RM600	
Julai: 01 Jul - 31 Jul 2025 Ogos: 01 Ogos - 31 Ogos 2025 Sept: 01 Sept - 30 Sept 2025	FamilyMart e-Baucar bernilai RM50 (100 pemenang setiap bulan)	300

Hadiah Peraduan: Cabutan Hadiah Utama

Jenis Hadiah / Tempoh	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Pertama (01 Jul – 30 Sept 2025)	Percutian ke Jepun 6H5M untuk 2 orang bernilai RM16,000 - AirAsia - D7 522 KUL/HND 1410/2235 - D7 523 HND/KUL 2350/0610+1 - Insurans perjalanan Chubb Executive - Pemindahan lapangan terbang 2 hala - Penginapan 5 malam dengan sarapan (twin) - Termasuk wang perbelanjaan RM3,000	5
Hadiah Kedua (01 Jul – 30 Sept 2025)	Percutian ke Taiwan 5H4M untuk 2 orang bernilai RM7,200 - AirAsia - D7 378 KUL/TPE 0930/1425 - D7 379 TPE/KUL 0020/0510 (daftar masuk sehari sebelumnya) - Insurans perjalanan Chubb Executive - Pemindahan lapangan terbang 2 hala - Penginapan 4 malam dengan sarapan (twin) - Termasuk wang perbelanjaan RM1,500	5

- Jumlah keseluruhan hadiah: 325 hadiah akan diberikan sepanjang Tempoh Peraduan.
- Nilai pakej perjalanan mungkin berbeza bergantung kepada musim dan termasuk wang perbelanjaan seperti yang dinyatakan.
- Pakej perjalanan tertakluk kepada perubahan dan bergantung pada tarikh perjalanan, ketersediaan dan syarat tempahan.
- Pemenang baucar e-FamilyMart perlu memuat turun aplikasi MYFAMILYMART untuk penebusan hadiah.
- Gambar hadiah dalam bahan promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada rupa sebenar hadiah yang diberi.

1. Hadiah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkenaan). Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, PayNet dan ejennya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kerugian dan kerosakan akibat sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan butiran hadiah atau sebarang keadaan luar jangka yang di luar kawalan munasabah Penganjur dan/atau PayNet serta sebarang tindakan atau kegagalan mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

2. Penganjur dan PayNet tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa proses penebusan hadiah.

3. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar lokasi penebusan hadiah kepada tarikh lain atau lokasi lain sekiranya berlaku sebarang keadaan luar jangka.

4. Penganjur dan PayNet tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos pengangkutan berkaitan dengan penebusan dan/atau penghantaran hadiah. Sebarang kos tambahan, cukai, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan penebusan hadiah adalah tanggungjawab sepenuhnya Pemenang.
5. Penyerahan hadiah tertakluk kepada ketersediaan hadiah tersebut. Penganjur akan memaklumkan kepada pemenang dari semasa ke semasa.
6. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan pemenang dan Hadiah Peraduan adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
7. Pemenang akan dihubungi oleh Penganjur berdasarkan maklumat hubungan yang diberikan semasa proses penyertaan.
8. Pemenang mesti menuntut hadiah Peraduan mereka pada tarikh tertentu yang akan dimaklumkan oleh Penganjur atau dalam tempoh SATU (1) bulan selepas dimaklumkan oleh Penganjur (melalui SMS atau saluran komunikasi lain). Sekiranya Pemenang gagal menuntut hadiah atau melantik wakil dalam tempoh tersebut, Penganjur berhak untuk melucutkan hadiah dan memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah mereka.
9. Pemenang yang memerlukan wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka perlu memastikan wakil berkenaan mengemukakan: Surat kebenaran daripada Pemenang, salinan dokumen pengenalan diri Pemenang yang sah dan dokumen pengenalan diri wakil yang sah.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/ Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
2. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicara mutlaknyanya. Sejauh yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, agensinya, sekutu, dan penaja serta wakil mereka tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, atau terhadap sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian, atau kerosakan yang berkaitan dengan Peraduan ini.
3. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini.
4. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan / atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya.
6. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang <https://familymartmydebit.myideascontest.com/> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
7. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di <https://familymartmydebit.myideascontest.com/> akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang

percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

8. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.

9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.

10. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.

3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.

4. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.

3. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:

- a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
4. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di <https://familymartmydebit.myideascontest.com/> atau menghubungi talian pelanggan Penganjur di +603 7886 5886 dari Isnin – Jumaat, 9pg – 5ptg.
5. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
6. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]